

**Date and Time:** Thursday, 4 December 2025 3:01□pm +08

**Job Number:** 269757204

## Document (1)

1. [Abadi Legasi Sdn Bhd lwn Haqem bin Hermy \[2022\] MLJU 3201](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** "azzan"

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-



# ABADI LEGASI SDN BHD v HAQEEM BIN HERMY

CaseAnalysis  
| [2022] MLJU 3201

## Abadi Legasi Sdn Bhd lwn Haqeeem bin Hermy [2022] MLJU 3201

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM)

ROZI BAINON PK

GUAMAN SIVIL NO BA-22NCvC-264-07 TAHUN 2021

18 December 2022

*Gan Yi Yang (Vilasiny Gannasen bersamanya) (Vilasiny Gannasen & Co) bagi pihak plaintif.  
Syazwan Hasim (Azzan Aznan bersamanya) (Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan.*

### Rozi Bainon PK:

#### ALASAN PENGHAKIMAN

##### Pengenalan

[1] Plaintif ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan menjalankan perniagaan produksi dan pemasaran artis. Defendan pula ialah seorang anak muda berusia 22 tahun (umur Defendan ketika menandatangani perjanjian dengan Plaintif) yang menggunakan nama komersialnya dan dipanggil “Hun Haqeeem”.

[2] Suatu perjanjian pengurusan (*management agreement*) bertarikh 30-7-2020, terma yang dipersetujui telah dimeterai antara kedua-dua pihak (Plaintif dan Defendan).

[3] Surat Defendan bertarikh 30-11-2020 dan perbualan WhatsApp bertarikh 8-12-2020, di antara Defendan dan pihak Plaintif, memaklumkan bahawa Defendan berniat untuk menamatkan perjanjian pengurusan dan tarikh 30-1-2021 ialah tarikh terakhir bagi Defendan untuk bekerja dengan Plaintif.

[4] Plaintif memplidkan bahawa Defendan telah menamatkan perjanjian pengurusan tersebut secara pra-matang di mana Defendan tidak berbincang dengan Plaintif terlebih dahulu sebelum Defendan membuat keputusan drastik tersebut.

[5] Plaintif memplidkan bahawa tindakan Defendan telah memprejudiskan hak Plaintif dalam urusan dengan pihak ketiga berkenaan dengan aktiviti seni Defendan. Plaintif memplidkan bahawa keputusan Defendan telah melanggar terma perjanjian pengurusan dan Defendan tidak memberikan alasan yang rasional dan munasabah kepada Plaintif.

[6] Plaintif mengambil tindakan undang-undang terhadap Defendan atas kausa tindakan kemungkiran Perjanjian Pentadbiran (“*Management Agreement*”) secara *unilateral* oleh Defendan.

[7] Plaintif memplidkan bahawa kemungkiran *Management Agreement* mengakibatkan Plaintif mengalami kerugian perbelanjaan yang amat teruk, keuntungan masa depan Plaintif yang turut terjejas, membawa kesan buruk atas imej dan/atau reputasi Plaintif yang terpaksa membatalkan tawaran daripada pihak ketiga. Ini secara langsung membawa nama buruk kepada Plaintif sebagai salah sebuah syarikat pengurusan terkemuka dalam industri kreatif tanah air serta di luar negara.

[8] Akibat daripada itu juga, Plaintif menuntut terhadap Defendan keseluruhan kos yang telah dibelanjakan bagi pengatur, pengurusan, pemasaran, penyuntingan dan kos guaman terhadap Defendan sebanyak RM613,950.00; ganti rugi sebanyak RM401,000.00 bagi pembatalan projek seni Plaintif; ganti rugi am, ganti rugi teruk; ganti rugi teladan, faedah dan kos.

[9] Pada 26-10-2022, Mahkamah ini memutuskan untuk menolak tuntutan Plaintif dengan kos sebanyak RM18,000.00 (tertakluk kepada fi alokatur) dibayar oleh Plaintif kepada Defendan. Selanjutnya, Mahkamah memerintahkan Plaintif hendaklah membayar baki bayaran bagi projek- projek kepada Defendan mengikut *Management Agreement*. Ekshibit P6 ialah bayaran tertunggak berjumlah RM30,240.00 oleh Plaintif kepada Defendan berkenaan dengan *distribution of Artiste Activities Fee*. Mahkamah ini menolak tuntutan balas Defendan terhadap Plaintif.

#### Isu untuk dibicarakan

[10] Kedua-dua pihak menyatakan secara berasingan bagi isu untuk dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah.

[11] Isu untuk dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah adalah –

- (a) sama ada tarikh perjanjian pengurusan ditandatangani oleh Plaintif dan Defendan pada 22-11-2018 atau 30-7-2020?
- (b) sama ada Plaintif dan Defendan telah melanggar terma perjanjian pengurusan?
- (c) sama ada surat Defendan bertarikh 30-11-2020 untuk menamatkan perjanjian pengurusan adalah sah dan berkuat kuasa?
- (d) sama ada Plaintif sebagai pengurus Defendan membantu Defendan dalam membina kerjaya dan reputasi seni Defendan di peringkat tempatan dan antarabangsa?
- (e) sama ada jumlah ganti rugi yang dituntut oleh Plaintif terhadap Defendan adalah sah dan Plaintif berhak kepada wang, masa dan sumber yang telah dilaburkannya untuk membina nama Defendan sebagai artis?
- (f) sama ada Plaintif berhak untuk menahan baki bayaran bagi projek seni Defendan berjumlah RM33,420.00 atau jumlah ini perlu dibayar oleh Plaintif kepada Defendan?

#### Penilaian dan Dapatan Mahkamah

[12] Dalam menilai keterangan di hadapan Mahkamah ini, kesemua isu adalah saling berkait rapat dan dapatan Mahkamah dalam memutuskan isu dinyatakan secara bersekali.

[13] Dalam Ikatan Dokumen Bersama (Bahagian C) yang ditanda sebagai B3 mengandungi 2 dokumen perjanjian iaitu –

- (i) The Management Agreement Between Abadi Legasi Sdn Bhd (Formerly known as Abadi Talent Sdn Bhd) (Company No.: 385389-V) And ----- Artiste Name (NRIC No.:---) (“Artiste”), bertarikh yang ditulis tangan 22-11-2018 dan tidak bertandatangan pada setiap helaian muka surat dan tidak bertandatangan pada muka surat penandatangan (rujuk B3/muka surat 1 hingga 11); dan
- (ii) The Management Agreement Between Abadi Legasi Sdn Bhd (Formerly known as Abadi Talent Sdn Bhd) (Company No.: 385389-V) And Hageem bin Hermy (NRIC No.: 980107-56- 5041) (“Artiste”), bertarikh yang ditulis tangan 30-7-2020 dan bertandatangan Defendan pada setiap helaian muka surat dan bertandatangan pada muka surat penandatangan tetapi tanpa nama dan bertandatangan saksi tetapi tanpa nama (rujuk B3/muka surat 12 hingga 23). Dokumen ini ditanda sebagai Ekshibit P3.

[14] Mahkamah ini berpendapat bahawa dokumen perjanjian pengurusan sebagaimana perenggan 12(i) di atas ialah suatu perjanjian standard yang belum bertandatangan yang dipakai oleh Plaintif kepada mana-mana bakat baharu (Artis) yang akan bernaung di bawah syarikat Plaintif. Manakala dokumen perjanjian pengurusan sebagaimana perenggan 12(ii) di atas ialah suatu perjanjian yang disediakan oleh Plaintif dengan spesifik bakat baharu (Artis) yang bertandatangan.

[15] Kedua-dua dokumen ini mengandungi klausa yang sama.

#### Perjanjian pengurusan (management agreement) bertarikh 30-7- 2020

[16] Berpaksikan kepada suatu perjanjian pengurusan (*management agreement*) bertarikh 30-7-2020, terma yang

dipersetujui telah dimeterai antara kedua-dua pihak (Plaintif dan Defendan) berkenaan dengan perkara yang berikut:

- (a) hak eksklusif dipegang oleh Plaintif untuk mengurus, berunding dan mengatur jadual dan/atau aktiviti seni Defendan selama tempoh 5 tahun bermula dari perjanjian pengurusan (*management agreement*) bertarikh 30-7-2020.
- (b) jika aktiviti seni Defendan di dalam Malaysia, Plaintif berhak untuk menerima 30% daripada jumlah bayaran bagi fi aktiviti (*activity fee*) dan jika aktiviti seni Defendan di luar Malaysia, Plaintif berhak untuk menerima 50% daripada jumlah bayaran bagi fi aktiviti (*activity fee*).
- (c) Plaintif perlu membayar kepada Defendan sebanyak 70% bayaran fi aktiviti daripada pendapatan aktiviti seni Defendan yang diadakan di dalam Malaysia dan sebanyak 50% bayaran fi aktiviti daripada pendapatan aktiviti seni Defendan yang diadakan di luar Malaysia. Bayaran dibuat kepada Defendan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan bayaran daripada pelanggan.
- (d) kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Plaintif, dalam tempoh perjanjian pengurusan, Defendan tidak dibenarkan untuk menggunakan nama komersialnya dan/atau servis profesionalnya dan/atau mengatur dengan mana-mana pihak ketiga selain Plaintif.
- (e) jika Plaintif ingin menamatkan perjanjian pengurusan itu demi kemungkiran mana-mana terma perjanjian pengurusan oleh Defendan, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perjanjian pengurusan, Plaintif membayar kepada Defendan fi aktiviti yang masih berhutang kepada Defendan dengan syarat Plaintif adalah berhak untuk menolak daripada jumlah yang masih berhutang kepada Defendan dan/atau berhak menuntut/memulih kerugian yang disebabkan oleh perlanggaran perjanjian pengurusan oleh Defendan.
- (f) Defendan bersetuju untuk menggantikan dengan sepenuhnya kerugian (“indemnify”) Plaintif yang timbul disebabkan oleh kegagalan, ketidakkonsistenan dan/atau perlanggaran perjanjian pengurusan oleh Defendan. Sekiranya terdapat perlanggaran perjanjian pengurusan oleh Defendan, Plaintif berhak untuk menolak dan menahan pembayaran kepada Defendan jumlah bersamaan dengan kerugian Plaintif termasuk yuran peguam dan kos Mahkamah, sehingga suatu penyelesaian adalah dicapai di antara Plaintif dan Defendan.
- (g) Defendan dikehendaki menulis kepada Plaintif jika terdapat apa-apa aduan terhadapnya yang ingin dibangkitkan.

**[17]** Ekshibit P3 ialah perjanjian pengurusan yang bertandatangan di antara pihak Plaintif dan saksi dan Defendan sendiri dan saksi serta perjanjian pengurusan itu bersemet. Chop setem bertarikh 28-8-2020. Ini bererti P3 ini hanya disetamkan lebih kurang sebulan selepas perjanjian pengurusan itu ditandatangani oleh pihak-pihak.

**[18]** Saksi Plaintif yang ketiga (SP3) bernama Puan Lim Ai Lee atau dikenali sebagai “Jane Lim” iaitu isteri Saksi Plaintif yang kedua [En Teo Chew Huat atau dikenali sebagai “David Teo”] (SP2). SP3 ialah Ketua Pegawai Operasi serta menjadi salah seorang pengarah syarikat Plaintif.

**[19]** SP 3 sendiri bagi pihak Plaintif yang menandatangani perjanjian pengurusan tersebut bersama dengan Defendan (Q&A no. 16 PSP-3).

**[20]** SP3 dalam penyata saksinya (Q&A no. 7 PSP-3) menyatakan bahawa tatacara standard yang selama ini diikuti oleh syarikat dalam memperkenalkan bakat baharu kepada industri seni tempatan ialah melantik dan menandatangani perjanjian dengan bakat baharu.

**[21]** Selanjutnya, SP3 dalam penyata saksinya (Q&A no. 10, 11 & 12 PSP-3) menyatakan perkara yang berikut:

- (a) bakat baharu akan diletakkan di bawah pengurusan syarikat Plaintif selama satu hingga 2 tahun sebelum bakat baharu itu diisytiharkan sebagai artis.
- (b) sekitar bulan November 2018, Defendan telah diambil sebagai bakat baharu oleh syarikat Plaintif.
- (c) syarikat Plaintif menjalankan dan menguruskan aktiviti Defendan antaranya, memperkenalkan profil Defendan kepada pihak-pihak ketiga, membawa Defendan ke majlis- majlis tertentu untuk memperkenalkan Defendan, membina imej serta reputasi Defendan di kalangan penerbit/pengarah tempatan terutamanya di platform-platform stesen televisyen, mempromosi Defendan dengan memuatnaik gambar dan video Defendan di media sosial dengan menggunakan akaun milik syarikat Plaintif.

- (d) tempoh bakat baharu dengan syarikat Plaintiff akan diperbaharui pada setiap tahun sebagai rekod penyimpanan syarikat.

[22] SP3 dalam keterangannya menyatakan bahawa berdasarkan rekodnya, Plaintiff berjaya secara keseluruhannya memperoleh 51 projek untuk Defendan tetapi Plaintiff hanya dapat menyempurnakan 35 projek. Ini disebabkan oleh tindakan Defendan yang menamatkan perjanjian pengurusan secara pra-matang pada 30-11-2020.

[23] SP3 menyenaraikan 35 projek yang berjaya disempurnakan oleh Defendan. Terdapat 16 lagi projek yang ditawarkan kepada Defendan tetapi ditolak oleh Defendan. (rujuk senarai projek dalam Q&A no. 20 PSP-3).

**Sama ada wujud dan berlaku pelanggaran perjanjian pengurusan oleh Defendan?**

[24] SP3 dalam keterangannya (Q&A no. 32 PSP-3). menyatakan bahawa –

“Pada mulanya Defendan enggan menandatangani Perjanjian Penyertaan Media Sosial sekitar 8-11-2020. Kemudian, saya telah menerima surat penamatan pada 30-11-2020 dan menerima pesanan WhatsApp pada 8-12-2020 daripada Defendan yang menyampaikan hasratnya untuk menamatkan Perjanjian Pentadbiran bersama Plaintiff tanpa sebarang alasan.”

[25] Mahkamah ini mendapati “pengiraan” bagi projek yang gagal disempurnakan oleh Defendan ialah ketika penamatan perjanjian pengurusan. Mahkamah ini mendapati peguam cara Plaintiff terpelajar menterjemahkan *management agreement* sebagai perjanjian pentadbiran. Walau bagaimanapun, terjemahan yang tepat ialah perjanjian pengurusan.

SP3 menyatakan bahawa terdapat anggaran 17 projek yang gagal disempurnakan oleh Defendan (rujuk Q&A no. 33 & 40 PSP-3).

[26] Berdasarkan keterangan di hadapan Mahkamah ini projek yang gagal disempurnakan oleh Defendan itu ialah projek yang berstatus “tawaran” oleh pihak-pihak ketiga kepada syarikat Plaintiff untuk Defendan. Tiada mana-mana saksi daripada pihak-pihak ketiga yang menawarkan 16 atau 17 projek dipanggil oleh Plaintiff untuk diperiksa balas oleh peguam Defendan terpelajar.

[27] Sekadar mengemukakan e-mel dan pesanan WhatsApp daripada pihak-pihak ketiga yang menawarkan dan/atau mahu mengambil Defendan dalam sesuatu produksi dan/atau projek adalah tidak memadai. Tiada kontrak dimasuki oleh Defendan sebagai artis syarikat Plaintiff dengan pihak-pihak ketiga tersebut.

[28] Mahkamah ini berpendapat bahawa “A proposal is defined in [section 2\(a\)](#) of the [Contracts Act](#) as: ‘when one person signifies to another his willingness to do or to abstain from doing anything, with a view to obtaining the assent of that other to such act or abstinence he is said to make a proposal.’”

Manakala, “an offer is something capable of being converted into an agreement by its acceptance.”

[29] Bagi 16 dan/atau 17 projek yang disebut sebagai gagal disempurnakan oleh Defendan, Mahkamah merumuskan bahawa tiada apa-apa persetujuan dan kesiapsiagaan oleh Defendan yang bernaung atau menjadi artis syarikat Plaintiff untuk menerima obligasi mengikut terma tertentu dengan pihak-pihak ketiga itu.

[30] SP3 dalam Q&A no. 40 PSP-3 menyatakan bahawa projek yang terpaksa ditolak oleh Plaintiff disebabkan oleh “tindakan terburu-buru Defendan”. Berdasarkan kepada dokumen yang dirujuk oleh SP3 adalah jelas bahawa projek yang terpaksa ditolak oleh Plaintiff adalah sekadar tawaran daripada pihak-pihak ketiga kepada Defendan dan status masih dalam “negotiation”. Tiada apa-apa perjanjian dimasuki oleh Defendan dengan pihak-pihak ketiga itu.

[31] Mahkamah ini telah meneliti surat/notis penamatan yang dihantar oleh Defendan kepada Plaintiff (rujuk Ikatan Dokumen Bersama, Bahagian B-Jilid 2/B2 pada muka surat 270) dan mendapati bahawa –

- (a) surat Defendan ini bertarikh 30-11-2020 yang dialamatkan kepada Plaintiff.
- (b) tiada akuan penerimaan oleh Plaintiff.
- (c) Defendan menyatakan bahawa perjanjian pengurusan yang ditandatangani dengan Plaintiff ialah bertarikh 22-11-2018.

- (d) Defendan telah menemui Mr David Teo pada 20-11-2020 untuk membincangkan mengenai niat/hasrat Defendan untuk menamatkan perjanjian pengurusan berkuat kauas pada 30- 11-2020.
- (e) Defendan menyatakan bahawa “As the contract is silent on the process of termination by the artiste, this letter is the formal notice to notify the company that I will complete all the current ongoing projects that were signed prior to this date. Hence, my final date with the management will be on 30th January 2021.”.

**[32]** Kedua-dua pihak membangkitkan isu bilakah perjanjian pengurusan itu ditandatangani. Pihak Plaintiff menegaskan bahawa perjanjian pengurusan itu ditandatangani pada 30-7-2020 manakala pihak Defendan menegaskan bahawa perjanjian pengurusan itu ditandatangani pada 22-11-2018.

**[33]** Walaupun Defendan sendiri dalam keterangannya menyatakan dan menunjukkan foto bertarikh 22-11-2018 bahawa Defendan memegang perjanjian pengurusan dan sememangnya telah menandatangani perjanjian pengurusan itu pada 22-11-2018 namun Mahkamah menerima masuk ekshibit P3 iaitu perjanjian pengurusan itu ditandatangani pada 30-7-2020. Defendan menyatakan bahawa foto bertarikh 22-11-2018 itu diambil oleh seorang staff syarikat Plaintiff namun malangnya staff itu sudah meninggal dunia (mendiang Eason Sum). (rujuk Ikatan Dokumen Bersama B5 pada muka surat 1).

**[34]** Mahkamah ini mendapati bahawa –

- (a) fakta yang dipersetujui (Lampiran D) yang difailkan oleh peguam cara Plaintiff terpelajar ialah “Plaintif telah menandatangani satu Perjanjian Pentadbiran (The Management Agreement”) (selepas ini dirujuk sebagai “Perjanjian tersebut”) bersama Defendan. Tidak disebut mengenai tarikh perjanjian pengurusan tersebut.
- (b) ada 3 dokumen daripada Plaintiff dalam Ikatan Dokumen Bersama B2-Bahagian B-Jilid 2 pada muka surat 267, 268 dan 269 di mana Plaintiff dengan jelas merujuk kepada “Extension of the Management Agreement dated 22-11- 2018”. Pada setiap satu surat lanjutan perjanjian pengurusan menyatakan bahawa “All the terms and conditions in the said Management Agreement shall remain unchanged.”.
- (c) Defendan dalam pembelaannya menyatakan bahawa perjanjian pengurusan itu hanya diberikan salinannya kepada Defendan setelah permintaan dilakukan melalui peguam cara Defendan bertarikh 18-3-2021 (perenggan 4.2 Pembelaan dan Tuntutan balas Terpinda).
- (d) perjanjian pengurusan tersebut sama ada bertarikh 30-7- 2020 atau 22-11-2018 itu tidak mengandungi klausa dan tatacara penamatan oleh artis.

**[35]** Mahkamah ini berpuas hati bahawa walaupun Ekshibit P3 ialah suatu perjanjian pengurusan yang bertandatangan di antara Plaintiff dan Defendan namun bukti kewujudan perjanjian pengurusan beratrikh 22- 11-2018 itu boleh disiratkan melalui *circumstantial evidence*.

**[36]** Tindakan yang diambil oleh Defendan yang menghantar surat bertarikh 30-11-2020 kepada syarikat Plaintiff adalah suatu notis penamatan yang jelas diberikan kepada Plaintiff. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan pihak Plaintiff bahawa tindakan Defendan ini dibuat secara terburu-buru. Hakikatnya ialah Plaintiff enggan dan/atau menolak surat penamatan yang dikemukakan oleh Defendan. Tiada apa-apa rundingan, perbincangan dan penyelesaian diambil oleh Plaintiff untuk meneliti surat penamatan Defendan ini. Plaintiff sendiri terburu-buru memfailkan tindakan undang-undang terhadap Defendan iaitu pada 7-7- 2021 dan kemudiannya pindaan pernyataan tuntutan pada 14-4-2022.

**[37]** Pindaan pernyataan tuntutan pada 14-4-2022 memplidkan bahawa Plaintiff menuntut jumlah kos anggaran yang terpaksa ditanggung oleh Plaintiff sebanyak RM613,950.00 demi membina nama Defendan serta mempromosikan Defendan selaku anak seniman di kalangan masyarakat tempatan dan luar negara melalui platform media sosial dan kesemuanya telah dilakukan oleh Plaintiff dalam masa yang begitu singkat sekali (perenggan 23 Ikatan Pliding/A pada muka surat 12 hingga 15).

**[38]** Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh 3 orang saksi Plaintiff iaitu SP1 (Sri Azween binti Attan, jurufoto di Metrowealth), SP2 (Teo Chew Huat/David Teo, penerbit dan pengarah di MiG Picture) dan SP3 (Lim Ai Lee/Jane Lim, COO di syarikat Plaintiff), Plaintiff gagal membuktikan jumlah kos anggaran yang terpaksa ditanggung oleh Plaintiff sebanyak RM613,950.00 demi membina nama Defendan serta mempromosikan Defendan selaku anak seniman di kalangan masyarakat tempatan dan luar negara melalui platform media sosial dan kesemuanya telah dilakukan oleh Plaintiff dalam masa yang begitu singkat sekali.

**[39]** Mahkamah ini mendapati jumlah kos anggaran yang terpaksa ditanggung oleh Plaintiff sebanyak

RM613,950.00 adalah terdiri daripada invoice bagi setiap projek drama, aktiviti, pemasaran gambar, video Defendan di mana Plaintif menyatakan butiran yang dicaj kepada Defendan ialah –

- (a) bagi kos pengaturan dan pengurusan drama untuk Defendan berjumlah RM18,000.00 (butiran kos ialah perjalanan, makan minum, pembacaan skrip, doa selamat dan lawatan).
- (b) bagi kos pengaturan dan pengurusan projek untuk Defendan berjumlah RM8,800.00 (butiran kos ialah perjalanan, makan minum, penggambaran gambar dan video Defendan).
- (c) bagi kos pemasaran gambar Defendan berjumlah RM23,850.00 (butiran kos di saluran Instagram MiG online, Metrowealth, David Teo, Jane Lim, TV One Channel dan Mangkin Prestij).
- (d) bagi kos pemasaran video Defendan berjumlah RM93,300.00 (butiran kos di saluran Instagram dan YouTube MiG online, Metrowealth, David Teo, Jane Lim, TV One Channel dan Mangkin Prestij).
- (e) bagi kos pengaturan, pengurusan, penyuntingan & pemasaran video 'Legenda Budak Kolej' di media sosial berjumlah RM300,000.00 (butiran kos ialah untuk pengaturan, perancangan skrip, idea dan konsep cerita; penetapan dan pemasangan peralatan elektrik; penentuan lokasi & upah pasukan krew; dan penyuntingan dan penyusunan video dll.)
- (f) (f) bagi kos pelantikan peguam untuk mengekalkan nama baik Defendan berjumlah RM50,000.00 (butiran kos guaman T/N Vilasiny Gannasen & Co.).

**[40]** Tuntutan kos yang dinyatakan pada perenggan 39 di atas hanya diplidkan tetapi tiada keterangan kukuh dibuktikan oleh Plaintif. Kos yang dinyatakan adalah sekadar anggaran dan jumlah setiap kos menunjukkan bahawa Plaintif telah *over-charge* terhadap Defendan.

**[41]** Mahkamah telah meneliti klausa 1.1 iaitu –

"The Artiste hereby exclusively appoints the Company to manage, represent, co-ordinate and negotiate all the Artiste Activities for a duration of Five (5) years commencing from the date of this Agreement (the "First Term") and the Company agrees shall perform all the management duties for and on behalf of the Artiste exclusively."

**[42]** Frasa "the management duties" yang perlu dilaksanakan oleh Plaintif melayakkannya memperoleh "jika aktiviti seni Defendan di dalam Malaysia, Plaintif berhak untuk menerima 30% daripada jumlah bayaran bagi fi aktiviti (*activity fee*) dan jika aktiviti seni Defendan di luar Malaysia, Plaintif berhak untuk menerima 50% daripada jumlah bayaran bagi fi aktiviti (*activity fee*)". Ini termaktub dalam perjanjian pengurusan. Mahkamah memutuskan bahawa segala kos yang diperihalkan dan dibutirkan oleh Plaintif adalah suatu kos yang hanya untuk menguntungkan Plaintif dan Plaintif mengabaikan bahawa kos yang dituntutnya itu daripada Defendan adalah dalam ruang lingkup "the management duties" yang perlu dilaksanakan oleh Plaintif melayakkannya memperoleh 30%.

**[43]** Bagi kos pelantikan peguam untuk mengekalkan nama baik Defendan berjumlah RM50,000.00 (butiran kos guaman T/N Vilasiny Gannasen & Co.) pula, Mahkamah mendapati peguam cara Plaintif ialah T/N Vilasiny Gannasen & Co. dan caj yang dituntut daripada Defendan sebanyak RM50,000.00 yang menjadi sebahagian daripada jumlah tuntutan kos RM613,950.00 itu adalah pengenaan caj guaman kes ini yang dimulakan oleh Plaintif atas kausa tindakan *breach of contract*. Pengenaan caj guaman ini dikenakan kepada Defendan sebelum kes ini didengar sepenuhnya oleh Mahkamah ini.

**[44]** Dalam Jawapan kepada Pembelaan, Plaintif menyatakan bahawa Defendan bukanlah seorang individu yang buta huruf di mana Defendan tidak memahami apa yang ditulis dalam perjanjian pengurusan yang ditandatangani secara sukarela tersebut. Berkenaan dengan perkara ini, Mahkamah mendapati isu yang berbangkit bukanlah disebabkan oleh Defendan buta huruf dan/atau Defendan dipaksa menandatangani perjanjian pengurusan, tetapi adalah fakta material bahawa perjanjian pengurusan dalam bentuk standard template yang disediakan oleh Plaintif mahupun peguam caranya semata-mata dan Defendan sendiri sebagai artis yang menandatangani perjanjian pengurusan.

**[45]** Perjanjian pengurusan di antara Plaintif dan Defendan adalah suatu kontrak yang mengikat di sisi undang-undang yang telah dimuktamadkan oleh pihak-pihak. Sama ada suatu kontrak itu mengikat sepenuhnya pihak-pihak atau tidak, perlu diputuskan oleh Mahkamah.

**[46]** Dalam memutuskan perkara ini, faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah ialah niat pihak-pihak sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian bertulis itu atau daripada fakta relevan lain.

[47] Klausula 4 perjanjian pengurusan memperuntukkan mengenai “The Artiste’s Warranties” iaitu klausula 4.1 hingga 4.22. Manakala, klausula 5 perjanjian pengurusan memperuntukkan mengenai “The Company’s Warranties” iaitu klausula 5.1 hingga 5.4. Walaupun, peruntukan klausula warranty banyak perlu dipatuhi oleh Defendan berbanding dengan Plaintiff, namun itu ialah perjanjian pengurusan yang dimeterai oleh pihak-pihak.

[48] Seterusnya berkenaan dengan klausula “Termination” yang diperuntukkan dalam klausula 6.3, menyatakan hal keadaan jika Artis (Defendan) gagal memenuhi semua komitmennya dan/atau melanggar/memungkirkan apa-apa terma dan syarat dalam perjanjian pengurusan maka syarikat Plaintiff boleh apabila memberikan notis bertulis kepada Artis (Defendan) untuk menamatkan perjanjian atau melanjutkan tempoh sedia ada bagi apa-apa kemungkinan yang Artis (Defendan) perlu perbaiki kemungkinannya melalui penambahan lanjutan 150 hari.

[49] Klausula 6.3 yang sama juga memperuntukkan hal keadaan jika perjanjian pengurusan ditamatkan oleh Syarikat akibat daripada pelanggaran mana-mana peruntukan dalam perjanjian pengurusan oleh Artis (Defendan) di mana syarikat Plaintiff boleh dengan serta-merta memberhentikan pengurusan dan mewakili Artis (Defendan) untuk apa-apa aktiviti Artis (Defendan); dan jika terdapat apa-apa kerja yang sedang dilakukan dalam aktiviti Artis (Defendan) yang melibatkan pihak-pihak ketiga, syarikat Plaintiff hendaklah memberitahu pihak-pihak ketiga mengenai penamatan dan apa-apa pengaturan dan/atau perjanjian di antara Plaintiff dan pihak-pihak ketiga itu hendaklah tamat sebaik sahaja penamatan perjanjian pengurusan.

[50] Sebagaimana yang diplidkan dalam pembelaan berkenaan dengan klausula penamatan, Mahkamah bersetuju bahawa tiada apa-apa klausula yang memperuntukkan mengenai hak Defendan sebagai Artis sekiranya Plaintiff yang memungkirkan/melanggari terma perjanjian pengurusan.

[51] Ketiadaan peruntukan tatacara dalam perjanjian pengurusan untuk memberitahu Plaintiff mengenai niat/hasrat Defendan menamatkan perjanjian pengurusan menyebabkan Mahkamah ini memutuskan –

- (a) Defendan telah memberikan notis penamatan kepada Plaintiff untuk tidak lagi terikat kepada *Management Agreement*. (rujuk dokumen pada Ikatan Dokumen B2 pada muka surat 270 dan 271). Notis penamatan kepada Plaintiff ini adalah sah dan berkuat kuasa.
- (b) terma yang terkandung dalam klausula 6.3 kepada *Management Agreement* hanya memperuntukkan *termination* yang boleh dibuat oleh Plaintiff.
- (c) tiada klausula yang memberi hak kepada Defendan untuk menamatkan *Management Agreement* maka kausa tindakan terhadap Defendan bahawa Defendan telah memungkirkan *Management Agreement* secara *unilateral* adalah tidak berasas dan *obviously unsustainable*.

[52] Keterangan SD2 (Norhafizah binti Hamid, mantan *public relation officer* kepada Defendan) adalah saksi yang paling rapat dengan Defendan khususnya mengenai pengaturan dan pengurusan aktiviti Defendan sebagai artis syarikat Plaintiff.

[53] Pada awal SD2 hendak memberi keterangannya di mahkamah terbuka, SD2 memberitahu Mahkamah ini bahawa beliau menerima surat bertarikh 25-8-2022 daripada peguam cara Plaintiff yang dialamatkan kepada SD2 di mana SD2 dilarang memberitahu apa-apa rahsia syarikat Plaintiff dalam percicaraan kes ini, peguam cara Plaintiff terpelajar bangun untuk menyatakan bahawa surat tersebut tiada kaitan dengan kes di hadapan Mahkamah ini. Peguam cara Plaintiff terpelajar memberitahu Mahkamah bahawa SD2 ada hutang dengan Plaintiff.

[54] Berdasarkan keterangan SD2 ini, walaupun SD2 menjadi saksi bagi Defendan, SD2 hanya menceritakan mengenai aktiviti yang dilakukan oleh Defendan dalam memenuhi obligasinya di bawah perjanjian pengurusan. Tiada apa-apa keterangan SD2 memprejudiskan Plaintiff dan dalam pemeriksaan balas oleh peguam cara Plaintiff terpelajar, SD2 menyatakan bahawa susunan projek dan aktiviti Defendan tidaklah pada atau membebaskan Defendan. SD2 juga mengakui bahawa SD2 ada menasihati Defendan untuk tidak meneruskan aktiviti/projek apabila SD2 mendapati Defendan mengalami kemalangan.

[55] Perenggan 6 dan 7 Pembelaan memplidkan bahawa Plaintiff telah melanggar perjanjian pengurusan di mana “the management duties” yang perlu dilaksanakan oleh Plaintiff telah tidak dilaksanakan. Tuntutan balas Defendan terhadap Plaintiff menuntut jumlah wang sebanyak RM33,420.00 sebagai bayaran yang masih belum dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan.

[56] Mahkamah ini membenarkan tuntutan balas bagi jumlah wang sebanyak RM33,420.00 dibayar oleh Plaintiff

kepada Defendan. Dalam keterangan SP3 (rujuk Q&A no. 52 PSP-3) dan Ekshibit P6 (Ikatan Dokumen Bersama - Bahagian C pada muka surat 29) dengan jelas menyatakan bahawa Plaintiff telah menahan bayaran baki sebanyak RM30,240.00 mengikut klausa 6.3(c) setelah Plaintiff mendapati bahawa Defendan memungkir janji perjanjian pengurusan. Plaintiff menahan bayaran ini bagi tujuan digunakan sebagai pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Plaintiff atas kemungkiran Defendan berkenaan dengan perjanjian pengurusan tersebut.

[57] Dalam membenarkan tuntutan balas ini, hakikat bahawa Plaintiff menahan baki bayaran yang sememangnya milik Defendan yang telah melaksanakan tugasnya mengikut aktiviti yang ditetapkan oleh Plaintiff atas alasan “bagi tujuan digunakan sebagai pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Plaintiff atas kemungkiran Defendan berkenaan dengan perjanjian pengurusan tersebut” adalah suatu alasan yang tidak berasas. Terma dalam perjanjian pengurusan tidak memperuntukkan klausa mengenai “penahanan baki bayaran sebagai pampasan”. Kegagalan Plaintiff untuk membuktikan tuntutannya terhadap Defendan atas kausa tindakan “breach of contract” yang ditolak oleh Mahkamah, membolehkan Mahkamah ini memutuskan bahawa apa-apa baki bayaran yang tertunggak kepada Defendan hendaklah dibayar oleh Plaintiff.

**Sama ada Plaintiff berhak memperoleh jumlah ganti rugi sebanyak RM401,000.00 bagi pembatalan projek projek Plaintiff?**

[58] Perenggan 26 pernyataan tuntutan berpinda memplidkan bahawa 17 projek yang telah disalurkan oleh pihak ketiga kepada Plaintiff bagi pengiklanan, penampilan dan penggambaran Defendan sebagai duta produk, iklan, host bagi produk, sesi modelling dan pelakon drama yang mana tarikhnya ialah dari Januari hingga Disember 2021 adalah berjumlah RM401,000.00.

[59] Perenggan 27.2 pembelaan berpinda, Defendan memplidkan bahawa tuntutan ganti rugi berjumlah RM401,000.00 adalah bagi projek yang dibuat selepas Plaintiff menerima notis penamatan perjanjian pengurusan dan/atau selepas 30-1-2021 iaitu hari terakhir Defendan berada di bawah pengurusan Plaintiff.

[60] Perenggan 46 jawapan kepada pembelaan, Plaintiff memplidkan bahawa mengikut perjanjian pengurusan, Defendan dikehendaki untuk bekerja selama 5 tahun dan keputusan Defendan untuk menamatkan perjanjian pengurusan adalah secara pra matang. Plaintiff menafikan tindakan Defendan untuk menamatkan perjanjian pengurusan itu memandangkan Plaintiff telah mula berunding dengan pihak ketiga demi mendapatkan projek seperti yang disenaraikan di bawah perenggan 26 pernyataan tuntutan. Plaintiff memplidkan bahawa usaha yang dimulakan oleh Plaintiff bukannya dalam masa terdekat tetapi ianya dimulakan beberapa bulan sebelum Defendan menamatkan kontrak secara pra matang.

[61] Tuntutan ganti rugi berjumlah RM401,000.00 terhadap Defendan diambil oleh Plaintiff atas alasan utama penamatan secara pra matang. Plaintiff menegaskan bahawa Defendan perlu “bekerja” di bawah naungan syarikat Plaintiff selama 5 tahun. Jika Defendan gagal untuk mencapai tempoh 5 tahun maka Defendan adalah “bersalah” dan telah memungkir janji perjanjian pengurusan.

[62] Selanjutnya, Plaintiff “invoke” klausa 6.6 perjanjian pengurusan di mana Defendan telah bersetuju untuk menanggung segala kerugian perbelanjaan dan/atau kerugian masa depan yang dialami oleh Plaintiff akibat pelanggaran perjanjian pengurusan tersebut.

[63] Mahkamah ini mendapati bahawa dokumen yang dikemukakan oleh Plaintiff (Ekshibit P5) untuk membuktikan bahawa Plaintiff mengalami kerugian sebanyak RM401,000.00 itu adalah merujuk kepada projek yang akan diperoleh oleh Plaintiff melalui artisnya iaitu Defendan.

[64] Keterangan SP3 semasa diperiksa balas menyatakan bahawa 17 projek tersebut adalah suatu sebut harga yang diberikan oleh Plaintiff kepada pihak-pihak ketiga yang berhasrat untuk mengambil Defendan bagi produk, iklan dll. SP3 bersetuju dengan peguam cara Defendan terpelajar bahawa tiada kontrak bertulis dimeterai di antara pihak-pihak untuk mengambil Defendan bagi produk, iklan dll.

[65] Penelitian Mahkamah ini ke atas Ekshibit P5 adalah jelas menunjukkan bahawa pihak-pihak yang ingin menawarkan projek kepada artis naungan Plaintiff iaitu Defendan baharu pada peringkat “bertanyakan” kepada Plaintiff mengenai harga jika mereka mengambil Defendan. Perbualan WhatsApp antara pihak-pihak ketiga dengan Plaintiff atau wakil Plaintiff diakhiri dengan “tq for the rate”, “thanks for your revert... Will share with the team and keep you posted on the updates”, “okay, tq”, “Alright, noted” dan lain-lain.

[66] Oleh yang demikian, Mahkamah ini menolak tuntutan Plaintiff bahawa berlaku kemungkiran dan/atau pelanggaran terma perjanjian bagi setiap 17 projek yang disebut sebagai gagal disempurnakan oleh Defendan.

[67] Selanjutnya, notice of demand bertarikh 17-12-2020 yang dikeluarkan oleh peguam cara Plaintiff kepada Defendan iaitu lebih kurang 17 hari selepas surat penamatan perjanjian pengurusan bertarikh 30-11-2020 menyatakan bahawa "Breach of Management Agreement dated 28-8-2020" dan menghendaki Defendan untuk menarik balik surat penamatan tersebut dalam masa 7 hari.

[68] Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff menghendaki Defendan untuk melaksanakan terma sebagaimana perjanjian pengurusan selama tempoh 5 tahun dan surat penamatan Defendan itu dibuat secara unilateral dan dengan itu Defendan bertanggungjawab terhadap kemungkiran kontrak dengan Plaintiff. Di sini, adalah jelas bahawa kemungkiran kontrak yang disebut oleh Plaintiff itu bukanlah bagi projek yang telah disempurnakan oleh Defendan dari mula menjadi artis naungan Plaintiff sehingga ketika surat penamatan Defendan itu dihantar kepada Plaintiff.

[69] Keengganan Plaintiff melepaskan Defendan daripada perjanjian pengurusan itu disebut sebagai Defendan telah memungkirkan perjanjian pengurusan secara unilateral. Sedangkan dan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam alasan penghakiman dalam perenggan terdahulu adalah jelas bahawa perjanjian pengurusan itu sendiri tiada "exit clause" diperuntukkan kepada artis di bawah naungan Plaintiff.

[70] Mahkamah ini selepas mendengar keseluruhan keterangan di hadapannya secara perbicaraan penuh, adalah jelas dan pasti bahawa atas apa yang dipidkan oleh pihak-pihak, tiada keterangan yang mampu ditunjukkan oleh Plaintiff bahawa Defendan gagal menyempurnakan obligasinya di bawah perjanjian pengurusan. Oleh itu, kausa tindakan Plaintiff bahawa Defendan memungkirkan perjanjian pengurusan adalah suatu kecacatan besar dan "case Plaintiff could be ruled to have been fatal".

[71] Tidaklah perlu Mahkamah menegaskan bahawa adalah sesuatu yang kritikal bahawa Plaintiff sebagai pihak yang mengambil tindakan undang-undang terhadap Defendan menanggung beban untuk membuktikan tuntutan di sisi undang-undang. Dokumen yang dirujuk dan dikemukakan di hadapan Mahkamah ini baik oleh Plaintiff mahupun Defendan seperti perjanjian pengurusan, adalah tidak berkemungkinan untuk Mahkamah ini membenarkan tuntutan Plaintiff.

[72] Secara keseluruhannya, adalah menjadi analisis Mahkamah ini mendapati bahawa terdapat "a paucity of evidence to warrant the finding of a valid claim against the Defendant on the balance of probabilities". Plaintiff gagal membuktikan kesnya berdasarkan keterangan dan di bawah undang-undang.

#### **Rumusan**

[73] Berdasarkan penelitian Mahkamah ini selepas meneliti semua dokumen dan keterangan lisan dan dokumentar yang dibentangkan oleh pihak-pihak di hadapan Mahkamah ini, dan hujahan bertulis serta hujahan balasan pihak-pihak, Mahkamah ini mendapati atasimbangan kebarangkalian, Plaintiff gagal membuktikan tuntutan terhadap Defendan.

[74] Oleh yang demikian pada 26-10-2022, Mahkamah ini memutuskan-

- (a) tuntutan Plaintiff adalah ditolak dengan kos sebanyak RM18,000.00 (tertakluk kepada fi alokatur) dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan.
- (b) Plaintiff hendaklah membayar baki bayaran bagi projek-projek kepada Defendan mengikut *Management Agreement*. Ekshibit P6 ialah bayaran tertunggak berjumlah RM30,240.00 oleh Plaintiff kepada Defendan berkenaan dengan *distribution of Artiste Activities Fee*.
- (c) tuntutan balas Defendan terhadap Plaintiff adalah ditolak.